

# Kerajaan tak halang perhimpunan antirasuah asal patuh peraturan

PM gesa isu rasuah dibangkitkan mesti berlandas fakta, bukan hanya fokus isu lama

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Dengkil:** Kerajaan tidak menghalang orang ramai menganjurkan perhimpunan antirasuah dengan syarat mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan Kementerian Dalam Negeri, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mempunyai sebarang masalah terhadap perhimpunan bertemakan 'Rakyat Benci Rasuah' yang dijadual berlangsung di ibu kota hari ini, sambil menegaskan komitmennya dalam memerangi gejala rasuah di semua peringkat.

"Kebenaran sudah diberikan. Menteri Dalam Negeri sebut, kebenaran diberikan cuma ada tempat-tempat yang kemudian yang tidak diberi kebenaran.

"Bagi saya tak ada masalah, buatlah, bantulah (rasuah)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri solat Jumaat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dengkil, di sini, semalam.



Anwar menghadiri solat Jumaat di UiTM Kampus Dengkil, semalam.

(Foto Ahmad ukasyah/BH)

Pada Selasa lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, mengingatkan penganjur perhimpunan di ibu negara yang berlangsung hari ini mematuhi setiap peruntukan termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.

Media sebelum ini melaporkan perhimpunan bertemakan 'Rakyat Benci Rasuah' dijadualkan berlangsung pada hari ini di hadapan kompleks beli-belah dekat di Jalan Tuanku Abdul Rahman sebelum berarak ke Da-

taran Merdeka.

Perhimpunan itu dikatakan susulan kepada perhimpunan Ambang Tahun Baharu yang diadakan di Sabah baru-baru ini, yang dianjurkan oleh golongan pelajar untuk membantah ahli politik negeri yang didakwa terlibat dalam skandal rasuah.

Akta Perhimpunan Aman 2012 dikuatkuasakan bagi memastikan hak rakyat untuk berhimpun secara aman dapat dilaksanakan dengan teratur, tanpa mengganggu ketentera-

man awam.

Anwar menegaskan isu rasuah yang hendak dibangkitkan dalam perhimpunan tersebut wajar berlandaskan fakta dan tidak hanya memfokuskan isu lama.

"Soalnya, rasuah ini yang dibangkit sekarang, saya jadi Perdana Menteri selama dua tahun, apa dia masalah rasuah? Ini yang boleh ditumpukan.

"Dia (sesetengah pihak) bangkit soal lama. Ya sebahagian kita selesai, sebahagian tak mampu kita selesai. Bila kita

bangkitkan soal kehilangan berbilion-bilion ringgit, tak ada pula suara, tak ada pula sokong, malah ada yang mempertahankan pula," katanya.

## Komited banteras rasuah

Anwar menegaskan, beliau komited untuk membanteras rasuah dalam negara.

"Kalau ada mana-mana pimpinan (dalam pentadbiran kerajaan kini) yang terbabit, beritahu saya, tak ada masalah kita akan tekan mereka.

"Ini juga yang saya tekan dalam mesyuarat Kabinet. Ini kau dah bangkit soal-soal lama yang ditutup masa mereka (pentadbiran terdahulu). Jadi nak suruh saya ambil tindakan, tindakan apa? Ada yang dibangkitkan soal Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Musa Aman... itu dilepaskan masa mereka.

"Masa saya, bila SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) buka balik fail, mereka kata tak boleh teruskan. Jadi, macam mana? Saya nak dihujat dan dikedam dalam soal yang saya tak terlibat?" katanya.

Namun, Perdana Menteri memberi jaminan, beliau tidak akan bertoleransi terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam rasuah sepanjang pentadbirannya.

"Dalam tempoh dua tahun ini, daripada peringkat rendah hingga ke peringkat tertinggi, kalau ada yang terlibat, saya tidak akan tolak ansur," katanya.